

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]**

TARIKH : 6 APRIL 2015

SOALAN :

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kesan penyusutan nilai ringgit mempengaruhi pergerakan harga komoditi dan apakah tindakan susulan yang bakal dirangka oleh Kementerian bagi mengatasi kesan harga komoditi terutamanya untuk pasaran eksport.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pergerakan harga komoditi-komoditi utama negara seperti sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang mengekang kenaikan harga komoditi-komoditi ini walaupun penyusutan nilai Ringgit Malaysia berbanding *Dollar* Amerika (USD) memberi sentimen yang positif kepada prestasi eksport komoditi negara.

Senario semasa menyaksikan kesan yang bercampur terhadap komoditi-komoditi yang menjadi tanggungjawab Kementerian seperti berikut:

- (i) Bagi sektor sawit, pengeluaran kacang soya yang tinggi telah menekan harga minyak kacang soya sehinggakan harga minyak sawit turut terkesan;
- (ii) Harga getah pula lebih dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi dunia yang lembab dan peningkatan pengeluaran yang lebih pantas berbanding permintaan dunia;
- (iii) Memandangkan sektor perkayuan merupakan sektor yang berorientasikan eksport, di mana sumber inputnya adalah di dalam negara, penyusutan nilai ringgit telah memberi kesan yang positif terhadap peningkatan eksport;

- (iv) Sektor koko menerima kesan yang negatif berikutan berlakunya penurunan dalam harga biji koko tempatan sebanyak 11.2% susulan penyusutan nilai ringgit berbanding matawang *Pound Sterling* walaupun harga biji koko di Terminal London menunjukkan peningkatan;
- (v) Sektor lada dijangka tidak terkesan memandangkan terdapat kekurangan bekalan sebanyak 44,575 tan di antara pengeluaran dan permintaan. Keyakinan ini disokong dengan jangkaan penyusutan pengeluaran di Vietnam iaitu, negara pengeluar dan pengeksport lada terbesar dunia; dan
- (vi) Pengeksportan fiber kenaf ke China memberi keuntungan kepada Malaysia disebabkan penetapan harga eksport dengan pembeli di China ditetapkan berdasarkan nilai matawang USD.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sentiasa prihatin dan mengambil langkah wajar untuk memastikan harga komoditi-komoditi negara berada pada paras yang stabil dan kompetitif untuk dieksport. Agensi-agensi di bawah Kementerian mempunyai langkah yang tersendiri seperti dalam mengatasi masalah ini seperti:

- (i) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) aktif dalam mempertingkatkan penghasilan produk nilai tambah tinggi sawit untuk pasaran eksport bagi memastikan industri ini terus berdaya saing di pasaran minyak dan lelemak antarabangsa;
- (ii) Di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) pula, sektor getah menyaksikan kerjasama antara negara anggota dalam bertukar-tukar maklumat hasil penyelidikan dan penghasilan produk-produk baru getah;
- (iii) Lembaga Koko Malaysia (LKM) sedang menjalankan Kajian Pasaran Produk-Produk Koko bagi tujuan pengumpulan data dan maklumat pasaran wilayah-wilayah sasaran utama serta menyusun semula pelan dan strategi pasaran yang berkesan;
- (iv) Lembaga Lada Malaysia (MPB) telahpun mendapat pensijilan Petunjuk Geografi (*Geographical Indication*) yang mana akan memberi kualiti khas dan reputasi kepada lada keluaran Malaysia. Malah, untuk meningkatkan keyakinan pembeli dan pengguna lada di dalam dan di luar negara, keupayaan kawalan kualiti melalui pengiktirafan dan pensijilan seperti ISO 17025:2005, ISO 9001:2008, *Hazard Analysis and Critical Control Points* (HACCP) dan Pensijilan Halal akan diperkukuhkan; dan

- (v) Pada tahun 2015, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) akan meningkatkan tanaman kenaf kepada 3,000 hektar berbanding 2,000 hektar pada 2014 bagi memenuhi permintaan pasaran eksport.

Kementerian percaya langkah-langkah yang diambil ini dapat memberi manfaat kepada prestasi eksport negara.

Sekian, terima kasih.